



SALURAN BARU ISI MASA LAPANG: Penghuni DRC Khalsa seolah-olah terpu-kau melihat demonstrasi silat semasa lawatan sembilan perguruan ke pusat itu semalam.

Senarai guru silat akan diedar kepada penghuni DRC

12 FEB 1990

SEMILAN buah perguruan silat yang terlibat dalam rancangan siri lawatan ke enam buah Pusat Pemulihan Dadah (DRC), akan mengedarkan borang lengkap dengan senarai guru silat dan tempat latihan kepada para penghuni pusat-pusat tersebut. **MAKOR 0604**

Ini adalah langkah lanjut untuk memudah dan menggalakkan mereka menyertai kegiatan riadah itu apabila dibebaskan kelak. **MAKOR 0604**

Demikian menurut pengerusi rancangan siri lawatan itu, yang juga Presiden Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), Haji Ismaon Ali, ketika ditemui di akhir lawatan oleh 26 jurulatih kesemua perguruan itu, di

Khalsa Centre, semalam.

"Ramai yang menunjukkan minat dengan bertanya jurulatih silat mengenai tempat latihan dan guru yang boleh mereka hubungi.

"Oleh itu, kami akan mula mengedarkan borang lengkap dengan nama jurulatih dan tempat latihan apabila kami melawat DRC Selarang Ahad ini," tambahnya.

Setiausaha Politik (Ehwal Dalam Negeri), Encik Harun Abdul Ghani, yang memimpin lawatan itu menggesa 153 penghuni pusat itu supaya menggunakan peluang mengerjakan umrah dengan potongan harga dan latihan bina badan secara percuma yang ditawarkan ke-

pada mereka baru-baru ini.

"Anda selalu mengadu 'boring' atau tak tahu apa nak buat apabila dibebaskan. Maka peluang itu, termasuk kegiatan silat, hendaklah anda gunakan apabila dibebaskan kelak.

"Ini semua menunjukkan masyarakat tidak pernah ngetepikan anda malah sedia membantu anda pulang ke pangkal jalan," tambahnya.

Dalam lawatan itu, para penghuni telah berpeluang menyaksikan demonstrasi silat oleh kesemua perguruan yang terdiri daripada Setia Bakti, Silat Gayong, Seligi Tunggal, Tapak Suci, Gayong Pasak, Sunda Cekalong, Cekak, Sendeng Belalang dan Panca Sakti.